

Usia Bukan Penghalang Mengecapi Kejayaan

Terakhir dikemaskini: Khamis, 28 November 2019 15:28 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 9

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



SABTU, 23

NOVEMBER: Graduan penerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Muzik, Agnes Ku Chun Moi tidak menjadikan faktor usia sebagai penghalang dalam hidup untuk mengecapi kejayaan di peringkat yang lebih tinggi.

Berusia 73 tahun, anak jati dari Membakut, Sabah yang juga merupakan pensyarah separuh masa dalam program Seni Muzik (HA05) di UMS menjadikan anak didiknya dalam program Seni Muzik, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) sebagai pendorong beliau untuk lebih maju ke hadapan.

“Pelajar-pelajar Seni Muzik inilah penguat hati saya dalam menamatkan pengajian ini di samping melihat rakan sekerja yang turut bersama-sama menamatkan pengajian di peringkat lebih tinggi.

“Saya amat bersyukur dapat menamatkan pengajian walaupun mengambil masa enam tahun, iaitu sejak 2013 untuk menamatkan pengajian,” katanya.

Agnes turut berpesan kepada para pelajar UMS agar lebih bekerja keras dan sentiasa berhubung dengan mana-mana pensyarah untuk mendapatkan pandangan atau pendapat yang lebih tepat.

“Saya sentiasa mengingatkan mereka untuk bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu tugas yang diberikan dan berjumpa dengan pensyarah bagi mendapatkan lebih kefahaman terhadap sesuatu perkara,” ujar Agnes.

Agnes merupakan antara 538 graduan yang menerima Ijazah PhD, Ijazah Sarjana, Diploma Pascasiswazah dan Ijazah Sarjana Muda yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Datuk Haji Mahiruddin pada sidang pertama Majlis Konvokesyen UMS ke-21 di Dewan Canselor UMS.

(Artikel disediakan oleh Cik Rickfonylin Podirik, Pelajar Tahun Tiga Program Komunikasi FKSW)